



Praktis Ekstra Tema 10

PBD | Kemahiran Menulis SP 3.7.1

Baca petikan dengan teliti. Kemudian, kenal pasti kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Tulis petikan itu semula.

Semasa cuti sekolah yang lalu, saya menyertai lawatan ke muzium negara yang sekolah saya anjurkan. Mula-mula, kami melawat ke Galeri A, iaitu ruang yang mempamer bahan-bahan sejarah awal. Di sini, kami meneroka proses pembentukan mukabumi dan menghayati cara hidup masyarakat awal. Kami juga melihat pameran artifaks.

Kemudian, kami ke Galeri B, iaitu tempat yang mempamerkan bahan sejarah yang berkaitan dengan kerajaan Melayu-kerajaan Melayu. Kami menelusuri sejarah pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu ke Nusantara. Galeri ini lebih berfokus terhadap kerajaan Melayu Melaka.

Rombongan kami juga masuk ke Galeri C yang memaparkan bahan-bahan era kolonial. Kami dibawa menelusuri peristiwa bersejarah yang berkaitan dengan kedatangan penjajah. Di galeri ini, kami dapat menimba pengetahuan tentang kesan penjajahan dari sudut politik, sosial, atau ekonomi.

Akhir sekali, kami ke Galeri D. Galeri ini memamerkan bahan-bahan sejarah tentang Malaysia pada masa ini, termasuk menyingkap sejarah gerakan awal nasionalisma di negara kita. Ruang pameran ini juga memaparkan pencapaian negara kita selepas kemerdekaan hingga kini.